



30 September 2011
30 September 2011
P.U. (A) 331

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH
BERLESEN 2011

LICENSED LAND SURVEYORS REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN DAN LESEN AMALAN

3. Permohonan pendaftaran
4. Permohonan lesen amalan
5. Pengeluaran lesen amalan
6. Pembaharuan lesen
7. Pemasukan semula nama pada Daftar
8. Nama firma
9. Penyerahan balik perakuan pendaftaran firma
10. Penyenggaraan pejabat cawangan
11. Pernyataan palsu
12. Daftar

BAHAGIAN III
ARTIKEL

13. Tempoh dan syarat Artikel
14. Artikel dikemukakan kepada Setiausaha
15. Pendaftaran dan pembatalan Artikel

BAHAGIAN IV
LATIHAN

16. Latihan
17. Pernyataan latihan
18. Pengecualian

BAHAGIAN V
PEPERIKSAAN

19. Peperiksaan
20. Kelayakan
21. Pengendalian peperiksaan
22. Permohonan bagi peperiksaan
23. Keputusan peperiksaan
24. Perakuan kecekapan

BAHAGIAN VI
PENGENDALIAN UKUR HAKMILIK

25. Pematuhan arahan, dsb.
26. Deposit fi ukur
27. Pelarasan kepada fi ukur yang dideposit
28. Pembayaran fi ukur bagi ukur hakmilik

BAHAGIAN VII
TATALAKU PROFESIONAL

29. Tatalaku profesional

BAHAGIAN VIII
PROSIDING TATATERTIB

30. Bidang kuasa tatatertib Lembaga

31. Erti salah laku profesional
32. Aduan
33. Penolakan terus aduan
34. Jawatankuasa penyiasatan
35. Fungsi jawatankuasa penyiasatan
36. Jawatankuasa tata tertib
37. Anggota yang hilang kelayakan daripada menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa tata tertib
38. Fungsi jawatankuasa tata tertib
39. Perintah tata tertib oleh Lembaga
40. Penyerahan balik perakuan dan lesen

BAHAGIAN IX
PEMBATALAN, KECUALIAN, PERALIHAN DAN FI

41. Pembatalan, kecualian dan peralihan
42. Fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

JADUAL KESEMBILAN

JADUAL KESEPULUH

JADUAL KESEBELAS

JADUAL KEDUA BELAS

JADUAL KETIGA BELAS

JADUAL KEEMPAT BELAS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 21(2) Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*], Lembaga Juruukur Tanah, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Artikel” ertinya suatu perjanjian dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Keenam, yang dibuat antara seorang juruukur tanah berlesen dengan seorang orang berartikel;

“orang berartikel” ertinya seseorang yang ingin melayakkan dirinya untuk didaftarkan sebagai seorang juruukur tanah yang telah membuat Artikel dengan seorang juruukur tanah berlesen;

“latihan pejabat” ertinya suatu latihan yang diberikan kepada orang berartikel di pejabat seorang juruukur tanah berlesen;

“pelan” ertinya suatu paparan grafik yang dihasilkan, diperoleh atau disusun dengan apa-apa kaedah yang menunjukkan butir-butir, keputusan atau data lain bagi ukur hakmilik;

“Pengarah Ukur” ertinya Pengarah Ukur bagi Jabatan Ukur di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dan termasuklah seorang pegawai yang bertindak bagi pihaknya;

“peperiksaan” ertinya peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga bagi menguji kecekapan profesional seorang yang bercadang untuk mendapatkan perakuan kecekapan; dan

“Setiausaha” ertinya orang yang dilantik oleh Lembaga di bawah seksyen 7 Akta.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN DAN LESEN AMALAN

Permohonan pendaftaran

3. Tiap-tiap orang yang layak didaftarkan di bawah subseksyen 9(1) Akta hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dengan disertakan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Permohonan lesen amalan

4. (1) Sesuatu permohonan lesen amalan di bawah subseksyen 10(1) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga dengan disertakan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan lesen yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

Pengeluaran lesen amalan

5. Apabila fi di bawah subperaturan 4(1) dibayar, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu lesen amalan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut bagi lesen itu.

Pembaharuan lesen

6. (1) Suatu permohonan untuk pembaharuan lesen amalan hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga disertakan dengan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dalam tempoh tiga bulan sebelum habis tempoh lesen.

(2) Seorang juruukur tanah berlesen yang memohon untuk pembaharuan lesen amalan hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh, apabila membaharui lesen itu, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

Pemasukan semula nama pada Daftar

7. (1) Mana-mana orang, yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar menurut subseksyen 8(6) Akta kerana tidak membaharui lesen amalannya sebelum hari pertama dalam bulan Februari dalam mana-mana tahun, hendaklah memohon secara bertulis untuk memasukkan semula namanya dalam Daftar dan menyatakan butir-butir penggajian atau pekerjaannya setakat pada tarikh permohonannya kepada Lembaga.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi pemasukan semula yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Nama firma

8. (1) Seseorang juruukur tanah berlesen yang berhasrat untuk menjalankan amalan atas nama sesebuah firma hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Lembaga berserta pembayaran fi pendaftaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Apabila nama firma diluluskan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang ditetapkan dalam Jadual Kelima dan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Lembaga boleh membatalkan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) jika juruukur tanah berlesen yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan tidak mematuhi mana-mana syarat semasa perakuan pendaftaran itu dikeluarkan.

Penyerahan balik perakuan pendaftaran firma

9. (1) Jika perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan 8(2) dibatalkan menurut subperaturan 8(3), juruukur tanah berlesen yang kepadanya perakuan pendaftaran itu dikeluarkan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis pembatalan perakuan pendaftaran itu, menyerahkan balik perakuan pendaftaran itu kepada Lembaga.

(2) Juruukur tanah berlesen yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan boleh menyerahkan balik perakuan pendaftaran itu atas inisiatifnya sendiri dengan menghantar perakuan pendaftaran itu kepada Lembaga dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik perakuan pendaftaran itu.

(3) Penyerahan balik perakuan pendaftaran itu hendaklah berkuat kuasa empat belas hari dari tarikh Lembaga menerima perakuan pendaftaran dan notis bertulis itu.

(4) Apabila perakuan pendaftaran diserahkan balik di bawah peraturan ini, Lembaga tidak akan membayar semula apa-apa fi yang telah dibayar oleh juruukur tanah berlesen yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan di bawah subperaturan 8(1).

Penyenggaraan pejabat cawangan

10. (1) Jika seorang juruukur tanah berlesen yang beramal atas nama suatu firma menyenggara suatu pejabat cawangan—

- (a) pejabat cawangan itu hendaklah beroperasi atas nama firma itu; dan
 - (b) pejabat cawangan itu hendaklah diuruskan secara berterusan oleh seorang juruukur tanah berlesen.
- (2) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan juruukur tanah berlesen yang mempunyai suatu pejabat cawangan yang melanggar subperaturan (1) untuk menutup pejabat cawangan itu.
- (3) Juruukur tanah berlesen itu hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh penyampaian notis di bawah subperaturan (1) atau apa-apa lanjutan masa yang diluluskan oleh Lembaga, mengambil tindakan sewajarnya untuk menutup pejabat cawangan itu.

Pernyataan palsu

11. Lembaga boleh memulakan prosiding tatatertib terhadap mana-mana juruukur tanah berlesen jika pengeluaran lesen amalan di bawah peraturan 4 atau kelulusan pembaharuan lesen di bawah peraturan 6 didorong oleh suatu pernyataan fakta yang palsu.

Daftar

12. (1) Lembaga hendaklah menyenggarakan suatu Daftar mengikut seksyen 8 Akta yang hendaklah mengandungi maklumat terperinci yang berhubungan dengan—
- (a) juruukur tanah berlesen;
 - (b) juruukur tanah berdaftar; dan
 - (c) orang berartikel
- (2) Salinan terperaku suatu entri dalam Daftar yang dibuat di bawah subseksyen 8(4) Akta hendaklah tertakluk kepada fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Lembaga hendaklah, apabila nama seorang juruukur tanah berlesen telah dikeluarkan daripada Daftar di bawah subseksyen 8(5) atau (6) Akta dan fi ukur telah didepositkan di bawah subperaturan 26(1), menyebabkan pengukuran itu disiapkan.

BAHAGIAN III
ARTIKEL

Tempoh dan syarat Artikel

13. (1) Suatu Artikel hendaklah bagi tempoh dua tahun dan hendaklah dirangka dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

(2) Sebelum seseorang itu membuat sesuatu Artikel, dia hendaklah mengemukakan keterangan yang dia telah memperoleh kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

(3) Tiada juruukur tanah berlesen boleh mengambil mana-mana orang berartikel di bawah suatu Artikel melainkan jika dia telah berdaftar selama lebih daripada lima tahun dengan Lembaga.

Artikel dikemukakan kepada Setiausaha

14. Seorang juruukur tanah berlesen hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyempurnaan Artikel, mengemukakan Artikel itu kepada Setiausaha berserta perakuan pendidikan, perakuan kelahiran, bukti kewarganegaraan orang berartikel dan fi pendaftaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Pendaftaran dan pembatalan Artikel

15. (1) Setiausaha, tertakluk kepada arahan Lembaga, hendaklah secepat yang mungkin setelah menerima apa-apa Artikel di bawah peraturan 14, mendaftarkan Artikel itu dalam Daftar yang disimpan mengikut peraturan 12.

(2) Lembaga boleh mengarahkan Setiausaha untuk menolak pendaftaran mana-mana Artikel jika—

- (a) kehendak di bawah peraturan 14 tidak dipatuhi; atau
- (b) juruukur tanah berlesen telah mempunyai seramai lima orang orang berartikel.

(3) Lembaga boleh membatalkan pendaftaran mana-mana Artikel, jika pendaftaran itu telah diperoleh melalui penipuan, salah nyataan palsu atau penyembunyian mana-mana fakta material, atau jika pendaftaran itu terlaksana oleh sebab kesilapan atau kekhilafan.

BAHAGIAN IV

LATIHAN

Latihan

16. (1) Tiap-tiap orang berartikel hendaklah berkhidmat selama—

- (a) dua belas bulan di lapangan; dan
- (b) dua belas bulan di pejabat tertakluk kepada pengecualian yang diperuntukkan di bawah subperaturan 18(1).

(2) Perkhidmatan orang berartikel di bawah subperaturan (1) hendaklah termasuk latihan dalam ukur hakmilik di lapangan bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan latihan dalam ukur hakmilik di pejabat bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan.

Pernyataan latihan

17. (1) Juruukur tanah berlesen yang telah membuat suatu Artikel hendaklah mengemukakan kepada Setiausaha suatu pernyataan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kelapan bagi tempoh atau sebahagian daripada tempoh itu yang berakhir pada tiga puluh Jun dan tiga puluh satu Disember setiap tahun tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas berakhirnya tempoh itu.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa orang berartikel tidak menerima latihan yang secukupnya Lembaga boleh menghendaki orang berartikel itu untuk menjalani latihan tambahan.

Pengecualian

18. (1) Seseorang yang memberi keterangan sehingga memuaskan hati Lembaga bahawa dia memiliki pengalaman bekerja selepas memperoleh kelayakan yang diperlukan boleh diberikan pengecualian oleh Lembaga seperti yang berikut:

<i>Pengalaman bekerja</i>	<i>Pengecualian</i>
(a) Seseorang yang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia atau Universiti Teknologi MARA dengan pengalaman minimum tiga tahun mengajar sepenuh masa dalam ukur tanah.	Enam bulan latihan pejabat;
(b) Seseorang yang berkhidmat sebagai pensyarah di politeknik atau institusi Kerajaan yang diiktiraf oleh Lembaga dengan pengalaman minimum lima tahun mengajar sepenuh masa dalam bidang ukur tanah.	Enam bulan latihan pejabat; atau
(c) Seseorang yang telah memperoleh pengalaman bekerja di luar Semenanjung Malaysia yang boleh diterima oleh Lembaga.	Enam bulan latihan pejabat.

(2) Jika pengecualian diberikan di bawah subperaturan (1), baki tempoh latihan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya enam bulan kerja ukur hakmilik di lapangan dan sekurang-kurangnya enam bulan kerja memproses ukur hakmilik di pejabat.

(3) Lembaga boleh menerima pengalaman dalam ukur hakmilik yang diperoleh oleh seorang juruukur Kerajaan di Jabatan Ukur selepas memperoleh kelayakan yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh dengan syarat bahawa pengalaman itu diperakui oleh

suatu pernyataan latihan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kelapan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Ukur.

(4) Walau apa pun peraturan sebelum ini, Lembaga mempunyai hak untuk memberikan pengecualian yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN V
PEPERIKSAAN

Peperiksaan

19. (1) Peperiksaan hendaklah mengandungi—

- (a) Bahagian I – Amalan kadaster;
- (b) Bahagian II – Pengemukaan tugas amali; dan
- (c) Bahagian III – Peperiksaan amali dan lisan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh menerima pengalaman yang diperoleh oleh seseorang dan memberi pengecualian untuk kesemua atau sebahagian daripada Bahagian II sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Sukatan mata pelajaran untuk peperiksaan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesembilan.

Kelayakan

20. (1) Seorang yang telah lulus Bahagian I adalah layak untuk menduduki Bahagian II.

(2) Sebelum pengemukaan tugas amali di bawah Bahagian II, Lembaga boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan keterangan bahawa—

- (a) semasa tempoh Artikelnya dia telah mematuhi kehendak Lembaga;
atau

- (b) dia telah memperoleh pengalaman yang dikehendaki oleh Lembaga.
- (3) Tiada seorang pun layak bagi Bahagian II melainkan jika dia orang berartikel atau juruukur Kerajaan.
- (4) Seseorang itu adalah layak menduduki Bahagian III dalam tempoh enam bulan setelah dikreditkan lulus Bahagian II.
- Pengendalian peperiksaan**
21. (1) Lembaga hendaklah—
- (a) mengendalikan peperiksaan sekurang-kurangnya sekali setahun; dan
- (b) melantik pemeriksa dan pengawas peperiksaan untuk peperiksaan itu dan membayar apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (2) Lembaga boleh melantik di kalangan anggotanya dan juruukur tanah berlesen atau juruukur Kerajaan yang lain untuk menjadi anggota jawatankuasa peperiksaan untuk mengendalikan peperiksaan yang disebut dalam perenggan (1)(a).
- (3) Jawatankuasa peperiksaan, dengan kelulusan Lembaga, boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada pemeriksa, pengawas peperiksaan dan orang berartikel sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk pengendalian peperiksaan.
- (4) Anggota jawatankuasa peperiksaan hendaklah dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- (5) Lembaga hendaklah menyiarkan dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar harian nasional suatu notis mengenai tarikh peperiksaan Bahagian I dan tarikh tutup bagi permohonan untuk menduduki peperiksaan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh peperiksaan itu.

Permohonan bagi peperiksaan

22. (1) Seorang orang berartikel yang berhasrat untuk menduduki Bahagian I peperiksaan hendaklah membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh kepada Setiausaha berserta fi peperiksaan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Mana-mana calon selain orang berartikel yang mempunyai kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh berhasrat untuk menduduki Bahagian I peperiksaan boleh mengemukakan suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh berserta:

- (a) suatu salinan perakuan kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh yang diperakui sah sewajarnya; dan
- (b) fi peperiksaan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Seorang calon yang berhasrat untuk menghadiri Bahagian II peperiksaan hendaklah mengemukakan suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh kepada Setiausaha berserta:

- (a) suatu perakuan perkhidmatan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kesebelas daripada juruukur tanah berlesen yang dengannya dia berkhidmat di bawah Artikel atau suatu surat perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Ukur;
- (b) fi peperiksaan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan
- (c) tugas amali semasa tempoh Artikelnnya.

(4) Seorang calon yang telah dikreditkan lulus Bahagian II peperiksaan hendaklah mengemukakan suatu permohonan untuk menduduki peperiksaan bagi Bahagian III dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh kepada Setiausaha berserta bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Keputusan peperiksaan

23. (1) Markah lulus bagi Bahagian I peperiksaan ialah enam puluh peratus.
- (2) Setiausaha hendaklah, setelah keputusan peperiksaan itu diendors oleh Lembaga, memberitahu calon mengenai keputusan peperiksaan itu.
- (3) Mana-mana calon yang gagal Bahagian I atau II peperiksaan itu boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan peperiksaan oleh Setiausaha berserta fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, merayu kepada Lembaga untuk menyemak semula kertas peperiksaan atau tugas amalinya.
- (4) Lembaga hendaklah membuat keputusan mengenai rayuan itu dalam tempoh tiga bulan selepas menerima rayuan itu.
- (5) Seseorang calon yang gagal Bahagian III peperiksaan itu hendaklah, berserta pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, memohon untuk hadir semula di hadapan Lembaga bagi Bahagian III peperiksaan itu selepas enam bulan dari tarikh pemberitahuan keputusan peperiksaan oleh Setiausaha.

Perakuan kecekapan

24. Suatu perakuan kecekapan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua belas hendaklah dikeluarkan oleh Lembaga kepada setiap calon yang telah memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini dan telah dikreditkan lulus Bahagian I, II dan III peperiksaan.

BAHAGIAN VI

PENGENDALIAN UKUR HAKMILIK

Pematuhan arahan, dsb.

25. Tiap-tiap juruukur tanah berlesen hendaklah mematuhi arahan, suruhan dan garis panduan yang berhubungan dengan pengendalian ukur hakmilik yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Ukur.

Deposit fi ukur

26. (1) Seorang juruukur tanah berlesen hendaklah menyebabkan suatu pendepositan fi ukur sepenuhnya dengan Lembaga sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga belas sebelum mana-mana ukur hakmilik dimulakan.

(2) Suatu pendepositan fi ukur hendaklah disertakan dengan suatu kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa sewajarnya untuk menyebabkan ukur hakmilik itu dijalankan.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), “pihak berkuasa sewajarnya” berhubung dengan apa-apa keizinan atau kelulusan, ertiinya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk memberikan keizinan atau kelulusan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Lembaga, apabila menerima fi ukur di bawah subperaturan (2), hendaklah sebagai mematuhi seksyen 409A Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] mengemukakan kepada Pentadbir Tanah suatu perakuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat belas.

(5) Lembaga tidak akan membayar balik mana-mana fi ukur kepada mana-mana orang atau badan setelah perakuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat belas dikeluarkan.

(6) Walau apa pun subperaturan (5) dan tertakluk kepada subperaturan (7), Lembaga boleh membayar balik fi ukur hanya dengan persetujuan bertulis daripada Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah dan Pengarah Ukur bahawa kelulusan telah ditarik balik atau dibatalkan dan pembayaran balik itu tidak atau tidak akan menjaskan kepentingan mana-mana orang atau badan.

(7) Pembayaran balik yang disebut dalam subperenggan (6) tertakluk kepada—

(a) suatu caj perkhidmatan sebanyak dua peratus daripada fi ukur; dan

- (b) apa-apa pembayaran yang telah dibuat atau kena dibayar kepada juruukur tanah berlesen sebelum tindakan pembayaran balik sedemikian.

Pelarasan kepada fi ukur yang dideposit

27. (1) Apa-apa fi ukur yang dideposit di bawah subperaturan 26(1), boleh dilaraskan apabila pengukuran itu selesai.

(2) Apa-apa lebihan yang ada selepas pelarasan dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikembalikan kepada pendeposit atau apa-apa kekurangan didapatkan balik sewajarnya, sebelum pelan dan dokumen ukur didepositkan dengan Jabatan Ukur.

Pembayaran fi ukur bagi ukur hakmilik

28. Lembaga hendaklah menyimpan dua peratus daripada fi ukur yang didepositkan untuk caj pentadbiran dan membayar kepada juruukur tanah berlesen seperti yang berikut:

- (a) sepuluh peratus apabila menerima fi ukur; dan
- (b) lapan puluh lapan peratus dalam bentuk dan kaedah yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VII
TATALAKU PROFESIONAL

Tatalaku profesional

29. (1) Tiap-tiap juruukur tanah berlesen hendaklah—

- (a) mematuhi peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, Akta, mana-mana kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa berhubung dengan kewajipan profesionalnya;

- (b) mengawal kelakuannya supaya dapat menjaga maruah, kedudukan dan reputasi profesion;
- (c) tidak merayu atau menolong mendapatkan pekerjaan profesional atau menawarkan untuk mendapatkan melalui komisyen atau juga bayaran bagi memperkenalkan pekerjaan itu;
- (d) tidak disabitkan atas kesalahan yang membuatnya tidak layak menjadi anggota bagi profesionnya;
- (e) jujur atau tidak menipu dalam menjalankan kewajipan profesionalnya;
- (f) bukan seorang yang bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
- (g) tidak mengenakan fi atau kos yang tidak mengikut Jadual dalam Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada kliennya kecuali jika klien itu bersetuju secara bertulis amaun yang dikenakan melebihi amaun yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga belas;
- (h) tidak memperakukan, mengecapkan atau menandatangani lukisan atau pelan yang tidak disediakannya atau di bawah seliaannya bagi maksud memperoleh kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa;
- (i) hanya mengiklankan perkhidmatan profesionalnya dengan kaedah awam atau mana-mana media lain mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga;
- (j) tidak mengamalkan profesi lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan yang berhubungan dengan profesi itu;

- (k) tidak, secara langsung atau tidak langsung, cuba untuk mengambil tempat atau campur tangan dalam atau yang berkaitan dengan ukur oleh juruukur tanah berlesen yang lain itu atau mengambil alih kerja juruukur tanah berlesen yang lain sehingga keizinan telah diperoleh daripada juruukur tanah berlesen itu.
 - (l) tidak menjawat atau secara sedar menerima suatu kedudukan yang kepentingannya bercanggah dengan tugas profesionalnya;
 - (m) tidak merosakkan atau cuba untuk merosakkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, reputasi profesional, peluang atau amalan juruukur tanah berlesen lain; atau
 - (n) tidak terlibat dengan mana-mana perdagangan atau perniagaan lain yang boleh menjelaskan nama baik profesi.
- (2) Tiap-tiap juruukur tanah berlesen hendaklah dengan segera mematuhi mana-mana permintaan atau pertanyaan yang dibuat oleh Lembaga berkenaan dengan amalan profesionnya di bawah subperaturan (1).

BAHAGIAN VIII
PROSIDING TATATERTIB

Bidang kuasa tataterib Lembaga

30. (1) Lembaga hendaklah mempunyai bidang kuasa tataterib ke atas semua juruukur tanah berlesen.

(2) Bagi maksud prosiding tataterib di bawah Bahagian ini, Lembaga hendaklah menubuahkan—

- (a) satu atau lebih jawatankuasa penyiasatan untuk menyiasat apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang mengenai salah laku profesional mana-mana juruukur tanah berlesen; dan

- (b) satu atau lebih jawatankuasa tata tertib untuk mendengar apa-apa perkara yang dikemukakan oleh Lembaga atas syor jawatankuasa penyiasatan.

Erti salah laku profesional

31. Bagi maksud Bahagian ini, "salah laku profesional" ertinya—

- (a) suatu kelakuan yang pada pendapat Lembaga menjaskannya nama baik profesi dan termasuklah kecuaian yang melampau, pengabaian dan tidak berupaya melaksanakan tugas profesional dan kelakuan profesional yang tidak sesuai; dan
- (b) tidak mematuhi mana-mana peruntukan tatalaku profesional di bawah subperaturan 29(1).

Aduan

32. (1) Mana-mana orang boleh membuat suatu aduan secara bertulis kepada Lembaga mengenai salah laku profesional seorang juruukur tanah berlesen.

(2) Aduan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disokong oleh suatu akuan bersumpah sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

Penolakan terus aduan

33. Lembaga boleh, apabila menerima suatu aduan bertulis, terus menolak aduan itu jika Lembaga berpuas hati—

- (a) bahawa nama dan alamat pengadu tidak boleh dikenal pasti atau dikesan;
atau
- (b) bahawa fakta yang dinyatakan dalam aduan itu adalah remeh-temeh dan tidak berkaitan dengan salah laku profesional.

Jawatankuasa penyiasatan

34. (1) Setiap jawatankuasa penyiasatan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah perenggan 30(2)(a) hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang dua orang daripadanya hendaklah membentuk suatu kuorum termasuk pengerusi.

(2) Lembaga hendaklah melantik bagi setiap jawatankuasa penyiasatan anggota yang berikut yang bukan anggota Lembaga—

- (a) seorang pengerusi yang merupakan seorang juruukur tanah berlesen;
- (b) seorang Pengarah Ukur; dan
- (c) seorang juruukur tanah berlesen.

(3) Lembaga boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat siasatan, membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa penyiasatan jika Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu seorang yang berprasangka atau mungkin berprasangka atau bertindak secara tidak profesional semasa pengendalian siasatan, dan Lembaga boleh mengisi mana-mana kekosongan dalam keanggotaannya.

(4) Lembaga hendaklah melantik seorang setiausaha kepada setiap jawatankuasa penyiasatan yang—

- (a) bukan anggota jawatankuasa itu; dan
- (b) tidak mempunyai apa-apa undian dalam pertimbangtelitiannya.

(5) Jika seorang anggota jawatankuasa penyiasatan tidak dapat hadir bagi dua kali prosiding berturut-turut, anggota itu hendaklah digantikan oleh Lembaga dan jawatankuasa itu hendaklah menyambung penyiasatannya dan melaporkan hasil dapatannya.

(6) Rekod prosiding jawatankuasa penyiasatan dan dapatan jawatankuasa itu hendaklah disimpan oleh setiausaha.

(7) Jawatankuasa penyiasatan boleh mengawal selia prosedurnya sendiri.

Fungsi jawatankuasa penyiasatan

35. (1) Jawatankuasa penyiasatan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas penubuhannya, memulakan penyiasatan dalam perkara yang dengannya aduan di bawah subperaturan 32(1) adalah berhubungan dan melaporkan dapatannya kepada Lembaga tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh penubuhannya.

(2) Jawatankuasa penyiasatan hendaklah mengirim atau menghantar kepada juruukur tanah berlesen berkenaan satu salinan apa-apa aduan bertulis bersama-sama dengan suatu notis menghendaki juruukur tanah berlesen itu memberikan suatu pernyataan bertulis mengenai aduan itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Bagi maksud apa-apa penyiasatan jawatankuasa penyiasatan boleh—

(a) menghendaki pengemukaan mana-mana buku, dokumen atau kertas yang mungkin berkaitan atau berhubung dengan hal perkara yang disiasat untuk diperiksa oleh jawatankuasa penyiasatan dan boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberi maklumat berhubung dengan buku, dokumen atau kertas demikian; dan

(b) menghendaki orang berkenaan untuk memberikan semua maklumat yang berhubung dengan mana-mana buku, dokumen atau kertas itu yang secara munasabahnya diperlukan oleh jawatankuasa penyiasatan.

(4) Jawatankuasa penyiasatan hendaklah melaporkan hasil dapatannya dan mengesyorkan kepada Lembaga salah satu daripada syor yang berikut:

(a) bahawa tiada alasan yang mencukupi untuk menyokong aduan itu bagi hukuman tatatertib;

(b) bahawa tidak wujud sebab yang cukup berat untuk hukuman tatatertib; atau

- (c) bahawa sepatutnya diadakan suatu perbicaraan oleh jawatankuasa tata tertib.

Jawatankuasa tata tertib

36. (1) Setiap jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah perenggan 30(2)(b) hendaklah terdiri daripada lima orang yang tiga daripada anggotanya hendaklah membentuk suatu kuorum termasuk pengurus untuk mendengar atau menyambung untuk mendengar atau untuk menentukan perkara yang dengannya aduan itu adalah berhubungan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Setiap jawatankuasa tata tertib hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang anggota Lembaga yang hendaklah menjadi pengurus;
- (b) dua orang anggota di kalangan juruukur tanah berlesen yang bukan merupakan anggota Lembaga dan yang merupakan dan telah menjadi juruukur tanah berlesen untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun;
- (c) seorang Pengarah Ukur yang bukan seorang anggota Lembaga; dan
- (d) seorang anggota yang merupakan—
 - (i) seorang arkitek yang didaftarkan di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*];
 - (ii) seorang penilai yang didaftarkan di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen-Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*];
 - (iii) seorang perancang bandar yang didaftarkan di bawah Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*];

(iv) seorang juruukur bahan yang didaftarkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 [*Akta 487*]; atau

(v) seorang jurutera yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*].

(3) Anggota yang disebut di bawah perenggan 2(b) hingga (d) hendaklah dilantik oleh Lembaga.

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa sebelum tamatnya prosiding, membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tatatertib jika Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu seorang yang berprasangka atau mungkin berprasangka atau bertindak secara tidak profesional semasa prosiding dijalankan dan Lembaga boleh mengisi mana-mana kekosongan dalam keanggotaannya.

(5) Lembaga hendaklah melantik seorang setiausaha kepada setiap jawatankuasa tatatertib yang—

- (a) bukan anggota jawatankuasa itu; dan
- (b) tidak mempunyai apa-apa undian dalam pertimbangtelitiannya.

(6) Jika seorang anggota jawatankuasa tatatertib tidak dapat hadir prosiding dua kali berturut-turut, anggota itu hendaklah digantikan oleh Lembaga dan jawatankuasa itu hendaklah terus menentukan perkara itu atau mana-mana bahagian perkara yang belum ditentukan, dan mengambil kira apa-apa keterangan yang dikemukakan dalam prosiding terdahulu.

(7) Prosiding jawatankuasa tatatertib hendaklah tidak dibuka kepada orang awam dan minit prosiding termasuk nota apa-apa keterangan lisan yang diberikan di hadapannya, hendaklah disimpan oleh setiausaha.

(8) Jawatankuasa tatatertib boleh mengawal selia prosedurnya sendiri.

Anggota yang hilang kelayakan daripada menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa tatatertib

37. Tiada anggota jawatankuasa tatatertib boleh menghadiri atau mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat jika berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan—

- (a) dia seorang pengadu;
- (b) dia telah hadir di hadapan jawatankuasa penyiasatan bagi maksud membuat apa-apa pernyataan;
- (c) dia seorang anggota jawatankuasa penyiasatan; atau
- (d) dia seorang rakan kongsi atau pernah menjadi rakan kongsi atau saudara mara pengadu, atau orang yang hadir di hadapan jawatankuasa penyiasatan bagi maksud membuat apa-apa pernyataan atau juruukur tanah berlesen yang tertakluk kepada prosiding itu.

Fungsi jawatankuasa tatatertib

38. (1) Jawatankuasa tatatertib hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari penubuhannya, memulakan fungsinya dan membuat suatu dapatan atau penentuan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penubuhannya.

(2) Lembaga boleh, atas permohonan jawatankuasa tatatertib, melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1) jika perkara itu melibatkan isu yang kompleks.

(3) Jawatankuasa tatatertib, apabila memeriksa dapatan dan syor jawatankuasa penyiasatan berpuas hati bahawa wujud suatu kesalahan tatatertib, hendaklah memberitahu juruukur tanah berlesen itu secara bertulis mengenai fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan hendaklah memberi juruukur tanah berlesen itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai fakta itu.

(4) Setelah tamat tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (3), jawatankuasa tatatertib hendaklah menentukan perkara itu dan membuat syor kepada Lembaga.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), jawatankuasa tatatertib boleh menghendaki kehadiran juruukur tanah berlesen itu atau mana-mana orang lain dan merekod apa-apa pernyataan jika ia berpendapat bahawa adil dan wajar untuk berbuat demikian.

(6) Jawatankuasa tatatertib setelah selesai menentukan perkara itu hendaklah merekodkan dapatannya berhubung dengan fakta perkara itu dan membuat mana-mana syor berikut kepada Lembaga—

- (a) bahawa tidak wujud sebab yang cukup berat untuk hukuman tatatertib; atau
- (b) bahawa terdapat cukup merit dalam aduan itu dan bahawa mana-mana hukuman tatatertib yang dinyatakan dalam seksyen 17 Akta boleh dikenakan kepada juruukur tanah berlesen itu.

Perintah tatatertib oleh Lembaga

39. (1) Lembaga boleh, selepas menimbangkan syor jawatankuasa tatatertib, membuat suatu perintah—

- (a) mengenakan mana-mana hukuman tatatertib yang dinyatakan dalam seksyen 17 Akta jika Lembaga mendapati juruukur tanah berlesen itu bersalah atas salah laku profesional; atau
- (b) meremit syor itu kepada jawatankuasa tatatertib bagi semakan semula berserta dengan apa-apa arahan yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh, sebelum membuat perintah di bawah perenggan 1(a), meminta juruukur tanah berlesen itu untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk

meringankan hukuman tatatertib di bawah seksyen 17 Akta.

(3) Lembaga boleh, setelah mengambil kira dalam pertimbangan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman tatatertib, menjalankan kuasa tatatertibnya di bawah seksyen 17 Akta sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah menyampaikan perintah itu kepada juruukur tanah berlesen itu yang menyatakan tarikh perintah itu berkuat kuasa.

Penyerahan balik perakuan dan lesen

40. Lembaga hendaklah mengarahkan—

(a) mana-mana juruukur tanah berlesen yang telah digantung daripada menjalankan amalan untuk menyerahkan balik lesen amalan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perintah penggantungan berkuat kuasa; atau

(b) mana-mana juruukur tanah berlesen yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar untuk menyerahkan balik perakuan pendaftaran dan lesen amalan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh nama juruukur tanah berlesen itu dikeluarkan dari Daftar itu berkuat kuasa.

BAHAGIAN IX

PEMBATALAN, KECUALIAN, PERALIHAN DAN FI

Pembatalan, kecualian dan peralihan

41. (1) Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 [F.L.N. 261/1959] dan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Peperiksaan Juruteknik) 1990 [P.U. (A) 287/1990] dibatalkan.

(2) Mana-mana Daftar yang disenggara di bawah peraturan 6 Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 dan berkuat kuasa sebelum mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, setakat yang kandungannya selaras dengan

Peraturan-Peraturan ini, hendaklah terus berkuat kuasa sehingga Daftar itu diubah atau dipinda di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 dan berkuat kuasa sebelum mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini setakat yang pengeluarannya selaras dengan Peraturan-Peraturan ini, hendaklah terus berkuat kuasa sehingga lesen itu habis tempoh, atau diubah, dipinda, digantung atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Jika permohonan untuk lesen amalan belum diputuskan sebelum tarikh Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa, permohonan itu hendaklah diteruskan dan ditentukan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959.

(5) Jika prosiding tatatertib belum selesai sebelum tarikh Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa, prosiding itu hendaklah diteruskan dan ditentukan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959.

(6) Mana-mana fi yang didepositkan dengan Lembaga atau bayaran yang dibuat oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai fi yang didepositkan dengan atau bayaran yang dibuat oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Fi

42. Fi yang perlu dibayar bagi maksud Peraturan-Peraturan ini sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua hendaklah dibayar kepada Lembaga melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

JADUAL PERTAMA
BORANG A
AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011
[Peraturan 3]

PERMOHONAN SEBAGAI JURUUKUR TANAH BERDAFTAR

Tarikh :

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah

Saya,(No. K/P :) setelah memenuhi kehendak subseksyen 9(1) Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458] memohon untuk menjadi juruukur tanah berdaftar.

Saya sertakan bersama-sama ini—

- (a) akuan berkanun; dan
- (b) fi sebanyak RM250.00.

Butir-butir peribadi saya adalah seperti yang berikut:

Alamat Kediaman :

No. Telefon :

No. Faksimili :

E-mel :

.....
Tandatangan pemohon

JADUAL KEDUA

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Peraturan 3, 7 dan 14, subperaturan, 4(1), 6(1), 8(1), 22(1) dan (4), 23(3) dan (5) dan perenggan 21(1)(b) dan 22(2)(b)]

	FI	RM	PERUNTUKAN
1.	(i) Pendaftaran	... 250	3
	(ii) Lesen Amalan	... 500	4(1)
	(iii) Pembaharuan lesen amalan	... 500	6(1)
	(iv) Pemasukan semula nama ke dalam Daftar	... 500	7
2.	Pendaftaran firma	... 1,000	8(1)
3.	Pendaftaran Artikel	... 100	14
4.	Fi peperiksaan yang kena dibayar kepada pemeriksa—		21(1)(b)
	(a) Menyediakan kertas peperiksaan 800	satu kertas
	(b) Menanda kertas peperiksaan bertulis 100	satu skrip jawapan
	(c) Menanda serahan praktikal 400	satu tugasan
5.	Fi yang kena dibayar kepada pengawas peperiksaan	... 400	sehari 21(1)(b)
6.	Fi peperiksaan—		22(1), (2)(b), (3)(b) dan (4)
	(a) Bahagian I – (Peperiksaan bertulis) 200	satu kertas
	(b) Bahagian II – (Penyerahan tugas-tugas amali)	... 400	satu tugasan
	(c) Bahagian III – (Peperiksaan lisan dan amali)	... 400	satu kehadiran
7.	Menyemak semula keputusan peperiksaan—		23(3)
	(a) Bahagian I - (Peperiksaan bertulis) 400	satu kertas
	(b) Bahagian II – (Penyerahan tugas-tugas amali)	... 800	satu kertas
8.	Salinan terperaku suatu entri dalam Daftar 10	12(2)

JADUAL KETIGA

BORANG B

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 4(1) dan 6(1)]

PERMOHONAN LESEN/PEMBAHARUAN LESEN MENJALANKAN AMALAN*

Setiausaha

Lembaga Juruukur Tanah

Saya, (No. K/P : memohon lesen/pembaharuan lesen* untuk menjalankan amalan bagi tahun dan mengisytiharkan bahawa—

- (a) saya seorang warganegara Malaysia/seorang yang diluluskan oleh Menteri* untuk menetap di Semenanjung Malaysia;
- (b) saya mampu untuk menjalankan tugas dan fungsi profesional saya dengan berkesan;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas kesalahan jenayah atau kesalahan yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran di Malaysia atau di tempat-tempat lain;
- (d) saya bukan bankrap yang belum dilepaskan atau satu perintah bankrap sedang berkuat kuasa terhadap saya; dan
- (e) saya tidak dibenarkan untuk menjalankan profesion lain.

Butir-butir peribadi saya adalah seperti yang berikut:

No. pendaftaran :

Jenis amalan (pilih satu) : Nama sendiri atau firma

Nama Firma :

Alamat :

No. Telefon :

No. Faksimili :

E-mel :

Alamat Kediaman :

Perisytiharan di atas dibuat mengikut Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*].

Bersama-sama ini disertakan fi berjumlah RM500.00.

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh :

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

Tarikh :

*potong mana yang berkenaan

JADUAL KEEMPAT

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Peraturan 5]

LESEN MENJALANKAN AMALAN

Dengan ini diperakukan bahawa no. K/P yang telah didaftarkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458], diberi lesen amalan dari hingga 31 Disember,

Bertarikh hari ini haribulan,

.....
Pengerusi Lembaga

(CAP METERAI LEMBAGA)

.....
Setiausaha Lembaga

JADUAL KELIMA

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 8(2)]

PERAKUAN PENDAFTARAN NAMA FIRMA

No. Sijil :

Dengan ini diperakukan bahawa:

Nama/Nama-nama :

Alamat :

No. Telefon :

No. Faksimili :

E-mel :

setelah memohon untuk pendaftaran firma dan setelah membayar fi yang ditetapkan dibenarkan untuk menjalankan amalan di bawah nama seperti yang di bawah:

Nama Firma :

Jenis amalan : Pemilik Tunggal / Perkongsian *

Sijil ini hendaklah dikembalikan kepada Lembaga sekiranya jenis amalan berubah.

Bertarikh hari ini haribulan,

.....
Pengerusi Lembaga

(CAP METERAI LEMBAGA)

.....
Setiausaha Lembaga

*potong mana yang berkenaan

JADUAL KEENAM

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 13(1)]

ARTIKEL

LEMBAGA JURUUKUR TANAH
SEmenanjung MALAYSIA

RUJ: LJT _____

ARTIKEL ini dibuat pada ____ haribulan ____ 20____ di antara _____
(*juruukur tanah berlesen*)
seorang juruukur tanah berlesen yang telah dikeluarkan lesen amalan profesion ukur tanah dan
menjalankan amalan di _____ DENGAN
_____ No. Kad Pengenalan : _____
(*orang berartikel*)
dari _____ seorang yang telah
dilengkapi dengan prasyarat yang dikehendaki untuk menjalani latihan di bawah juruukur
tanah berlesen untuk melayakkannya didaftar sebagai juruukur tanah (selepas ini disebut
“orang berartikel”).

Bahawasanya orang berartikel berhasrat untuk mendapat latihan dalam mengendalikan
pengukuran hak milik dan pengukuran lain dan juruukur tanah berlesen telah bersetuju untuk
memberikan apa-apa latihan kepada orang berartikel bagi membolehkannya mendapatkan
pendaftaran dengan Lembaga Juruukur Tanah di Semenanjung Malaysia sebagai seorang
juruukur tanah berlesen.

Bahawasanya juruukur tanah berlesen sedang menjalankan amalan sebagai *pemilik tunggal/
perkongsian dan telah berdaftar dengan Lembaga selama lebih daripada 5 tahun.

Bahawasanya orang berartikel hendaklah menjalani tempoh artikel di bawah penyeliaan
juruukur tanah berlesen.

Bahawasanya orang berartikel hendaklah diberikan latihan dan/atau arahan dan/atau
kemudahan secara percuma semasa tempoh artikel.

1. Tafsiran

- 1.1 Tajuk dan tajuk birai kepada klausa adalah untuk kemudahan sahaja dan tidak
mempunyai kesan undang-undang.
- 1.2 Apa-apa rujukan dalam Artikel ini kepada mana-mana Akta atau perundangan
subsidiari termasuklah apa-apa ubah suaian statutori atau pembuatan semula
undang-undang itu atau peruntukan yang merujuk kepadanya.

1.3 Dalam Artikel ini—

“Akta” ertinya Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458];

“orang berartikel” ertinya seorang yang merupakan warganegara Malaysia yang telah memperoleh kelayakan yang diperlukan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 dan sedang menjalani latihan di bawah juruukur tanah berlesen;

“Artikel” ertinya suatu perjanjian atau tulisan yang mengandungi suatu kontrak atau perjanjian untuk latihan dalam bidang ukur tanah yang dibuat antara seorang juruukur tanah berlesen dengan orang yang berusaha melayakkan dirinya sebagai juruukur tanah berlesen;

“peperiksaan” ertinya peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga untuk pengeluaran perakuan kecekapan;

“lesen menjalankan amalan” ertinya suatu lesen untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruukur tanah berlesen yang dikeluarkan oleh Lembaga;

“juruukur tanah belesen” ertinya orang yang namanya diletakkan dalam Daftar dan kepadanya suatu lesen menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga; dan

“Lembaga” ertinya Lembaga Juruukur Tanah yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta.

2. Tempoh dan waranti

- 2.1 Orang berartikel hendaklah memulakan tempoh artikelnya di bawah bimbingan juruukur tanah berlesen bermula dari _____ haribulan _____ 20_____ dan hendaklah meneruskannya bagi tempoh dua (2) tahun (tertakluk kepada pembatalan awal) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel ini.
- 2.2 Orang berartikel memberi jaminan bahawa dengan membuat Artikel ini orang berartikel tidak akan melanggar mana-mana terma yang nyata atau tersirat dalam mana-mana kontrak dengan atau dari apa-apa kewajipan lain kepada mana-mana pihak ketiga yang terikat dengannya.

3. Tugas orang berartikel

Orang berartikel hendaklah pada setiap masa sepanjang tempoh Artikel—

- 3.1 menumpukan masa, perhatian dan kebolehannya sebagaimana yang dikehendaki secara munasabah daripadanya;
- 3.2 setia dan tekun melaksanakan tugas itu dan menjalankan kuasa yang sesuai dengan tugas yang diberikan atau diletak hak kepadanya dari semasa ke semasa;
- 3.3 sentiasa memberikan maklumat yang lengkap kepada juruukur tanah berlesen (secara bertulis sekiranya diminta sedemikian) tentang pengendalian kerja lapangan atau pejabat dan memberikan apa-apa penerangan sekiranya diminta;
- 3.4 tidak membuat apa-apa tuntutan palsu atau apa-apa yang tidak benar atau pernyataan yang mengelirukan semasa tempoh artikelnya;

- 3.5 memulangkan semua dokumen kepada juruukur tanah berlesen secepat yang boleh dilaksanakan selepas menyempurnakan mana-mana kerja ukur atau sebagaimana yang diarahkan;
- 3.6 memulangkan apa-apa dokumen atau barang ketara yang dipunyai oleh juruukur tanah berlesen sebagaimana diarahkan;
- 3.7 bertanggungjawab untuk menjaga dengan sebaik-baiknya peralatan yang di dalam milikan atau kawalannya;
- 3.8 memulangkan semua dokumen dan barang ketara yang dipunyai oleh juruukur tanah berlesen sekiranya berlaku apa-apa pertikaian dan sementara menunggu penyelesaian atau apabila berlaku pembatalan Artikel tanpa apa-apa prasyarat;
- 3.9 berusaha untuk lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga semasa artikelnya; dan
- 3.10 mengemukakan keterangan mengenai pengalaman kepada juruukur tanah berlesen.

4. Tugas juruukur tanah berlesen

Juruukur tanah berlesen hendaklah pada setiap masa sepanjang tempoh Artikel ini—

- 4.1 memberikan elauan kepada orang berartikel bagi pelaksanaan tugasnya;
- 4.2 menyediakan kemudahan bagi menyempurnakan dua belas (12) bulan latihan yang termasuklah enam (6) bulan kerja lapangan dan enam (6) bulan kerja pejabat dalam mengendalikan ukur hakmilik;
- 4.3 membantu orang berartikel memperoleh pendedahan maksimum dengan memberikan kebenaran untuk tidak menghadiri seminar, kursus ulang kaji atau peperiksaan dan membenarkan pembuatan salinan rekod mana-mana ukur bagi maksud peperiksaan;
- 4.4 memberikan kepada orang berartikel suatu tempoh latihan berselia sebelum menjalankan ukur di bawah tanggungjawabnya sendiri;
- 4.5 memberikan laporan kemajuan atau apa-apa dokumen lain atau laporan bagi pengendalian dan penyempurnaan dengan jayanya tempoh artikel;
- 4.6 mengemukakan kepada Setiausaha Lembaga Artikel yang telah siap disempurnakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permulaan bersama-sama dengan—
 - (a) keterangan mengenai kelayakan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011;
 - (b) keterangan mengenai tarikh lahir; dan
 - (c) fi pendaftaran Artikel.
- 4.7 mengemukakan kepada Setiausaha Lembaga suatu pernyataan dalam borang Jadual Kelapan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 bagi tempoh atau sebahagian tempoh yang tamat pada tiga puluh Jun atau tiga puluh satu Disember setiap tahun tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tamatnya tempoh itu;

- 4.8 menguntukkan masa untuk memberikan bimbingan sewajarnya kepada orang berartikel; dan
- 4.9 tidak menahan daripada mengeluarkan apa-apa perakuan berkaitan dengan latihan yang diberikan semasa tempoh artikel, sekiranya berlaku apa-apa pertikaian dan sementara menunggu penyelesaian.

5. Pembatalan

Salah satu pihak boleh membatalkan Artikel dengan memberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya empat belas hari (14) kepada pihak yang satu lagi dan pada masa yang sama memaklumkan Lembaga mengenai pembatalan itu atau apabila pendaftaran orang berartikel sebagai juruukur tanah berlesen.

6. Keselamatan

Juruukur tanah berlesen hendaklah memastikan keselamatan orang berartikel.

7. Kebolehasingan

Jika mana-mana peruntukan Artikel ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan dalam apa-apa hal di bawah undang-undang, kesahan, keesahan dan penguatkuasaan peruntukan lain yang tinggal hendaklah dalam apa-apa keadaan tidak terjejas atau menjadi lemah.

8. Pengecapan setem

Perjanjian ini hendaklah disetem dan disampaikan kepada pihak masing-masing dan kos hendaklah ditanggung oleh juruukur tanah berlesen.

PADA MENYAKSIKAN hal-hal yang tersebut di atas, orang berartikel dan juruukur tanah berlesen yang dilantik sewajarnya dan diberi kuasa untuk menandatangani telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari dan tahun yang tertulis di atas.

DITANDATANGANI DIMETERAI DAN DISAMPAIKAN
oleh yang dinamakan _____
dengan kehadiran _____
pada hari ini ____ haribulan ____
20 ____

DAN oleh yang dinamakan _____
dengan kehadiran _____
pada hari ini ____ haribulan ____
20 ____

*potong mana yang berkenaan

JADUAL KETUJUH

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 18(3), dan 22(2)]

PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

1. Kelulusan yang diiktiraf:

(a) Malaysia

- (i) Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Geomatik
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- (iii) Diploma Lanjutan Ukur Tanah
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- (v) Ijazah Sarjana Muda Sains Geomatik
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- (vi) Lulus dalam Peperiksaan Akhir atau Akhir Terus
Pertubuhan Juruukur Malaysia
(sebelum Januari 2007)

(b) Australia

- (i) *Bachelor of Surveying*
University of Queensland
- (ii) *Bachelor of Surveying*
University of New South Wales
- (iii) *Bachelor of Surveying*
University of Melbourne
- (iv) *Bachelor of Geomatics*
University of Melbourne
- (v) *Bachelor of Geomatics/Bachelor of Science (Computer Science)*
University of Melbourne
- (vi) *Bachelor of Geomatics/Bachelor of Science (Environmental Science)*
University of Melbourne

- (vii) *Bachelor of Applied Science (Land Surveying)*
Royal Melbourne Institute of Technology
- (viii) *Bachelor of Land Information*
Royal Melbourne Institute of Technology
- (ix) *Bachelor of Applied Science (Land Surveying)*
Western Australia Institute of Technology
- (x) *Bachelor of Surveying*
Curtin University of Technology
- (xi) *Bachelor of Surveying*
University of South Australia
- (xii) *Bachelor of Geoinformatics and Surveying*
University of South Australia
- (xiii) *Bachelor of Applied Science in Surveying*
South Australia Institute of Technology
- (xiv) *Bachelor of Surveying*
University of Tasmania
- (xv) *Bachelor of Geomatics*
University of Tasmania

(c) Kanada

- (i) *B. Sc. in Engineering (Surveying Engineering)*
University of New Brunswick
- (ii) *B. Sc. in Engineering (Geomatics Engineering)*
University of New Brunswick

(d) New Zealand

- (i) *Bachelor of Surveying*
University of Otago
(sebelum Oktober 1990, dan selepas Disember 2002)

(e) United Kingdom

- (i) *B. Sc. Surveying Science (Honours)*
University of Newcastle-upon-Tyne
- (ii) *B. Sc. Surveying and Mapping Science (Honours)*
University of Newcastle-upon-Tyne
- (iii) *B. Sc. In Land Surveying Sciences*
North East London Polytechnic
- (iv) *B. Sc. Surveying and Mapping Sciences*
University of East London

- (v) *B. Sc. In Topographic Science (Senior Honours)*
University of Glasgow
- (vi) *Associate of the Royal Institute of Chartered Surveyors*
(sebelum Januari 1984)

2. Kriteria pengiktirafan

Kelayakan diiktiraf berdasarkan kriteria yang berikut:

- (a) tempoh pengajian hendaklah tidak kurang daripada tiga tahun akademik dan jumlah keseluruhan sekurang-kurangnya 120 jam kredit; dan
- (b) kelulusan ukur tanah hendaklah mengandungi minimum 12 subjek yang kandungannya adalah berkaitan dengan yang berikut:
 - (i) ukur satah dan kejuruteraan;
 - (ii) ukur geodetik;
 - (iii) ukur kadaster;
 - (iv) pelarasan ukur;
 - (v)unjuran peta;
 - (vi) ukur dari udara;
 - (vii) ukur hidrografi; dan
 - (viii) sains maklumat spatial.

JADUAL KELAPAN**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958****PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

[Subperaturan 17(1) dan 18(3)]

PERNYATAAN LATIHAN

Saya mengaku bahawa ini adalah pernyataan benar mengenai latihan seperti yang tersenarai di bawah:

<i>Latihan</i>	<i>Ruj. Fail. Jab. Ukur</i>	<i>Jumlah lot</i>	<i>Tempoh bekerja (dalam minggu)</i>	<i>Ruj. Fail JTB</i>	<i>Perihalan kerja</i>
1. Lapangan (a) Ukur hakmilik (b) Ukur kejuruteraan (c) Ukur topografi (d) Pengukuran lain					
JUMLAH TEMPOH MASA					
2. Pejabat (a) Pemprosesan ukur hakmilik (i) hitungan dan pemplotan (ii) penyuntingan dan semakan (iii) siasatan rekod tanah dan rekod pengukuran (b) Pemprosesan ukur kejuruteraan (c) Pemprosesan ukur topografi (d) Pengurusan dan penyeliaan kerja ukur (e) Lain-lain					
JUMLAH TEMPOH MASA					

.....
Orang berartikel

Tarikh :.....

Saya, , dari
(*juruukur tanah berlesen*) (alamat terkini)
mengesahkan bahawa telah menerima latihan
(*orang berartikel*)
seperti yang dinyatakan di atas dalam profesion ukur tanah di bawah arahan peribadi dan
penyeliaan di lapangan bagi tempoh dari hingga

.....
Juruukur tanah berlesen

JADUAL KESEMBILAN
AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011
[Subperaturan 19(3)]

PEPERIKSAAN

Bahagian I - Amalan Kadaster

Peperiksaan bertulis

Evolusi, prinsip dan amalan pemegangan tanah dan pengetahuan mengenai sistem pemegangan di semua Negeri dalam Malaysia; Undang-undang berkenaan dengan hakmilik tanah dan penggunaan tanah, dan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah undang-undang itu, setakat yang menyentuh profesion ukur; Amalan Lembaga, Jabatan Ukur, Pejabat Tanah dan Pendaftar Tanah yang berkaitan dengan amalan ukur kadaster.

Bahagian II - Pengemukaan tugas amali

Pengemukaan projek ukur hakmilik

Calon hendaklah mengemukakan buku kerja lapangan, pengiraan yang berkaitan, pelan dan data digital yang menepati piawai Jabatan Ukur dan Pemetaan termasuk laporan tidak kurang daripada lima ratus perkataan bagi perkara yang berikut:

- (a) suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan atau beri milikan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya) dan ukuran itu hendaklah—
 - (i) mengandungi tidak kurang daripada lima puluh lot yang sempurna. Pecah sempadan atau beri milikan sebahagian lot atau kombinasi lebih daripada satu lot boleh diterima;
 - (ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan; dan
 - (iii) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.
- (b) suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya) dan ukuran itu hendaklah—
 - (i) mempunyai keluasan tidak kurang daripada 2.5 hektar yang bertujuan untuk pembangunan bercampur;
 - (ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;
 - (iii) termasuk ukuran untuk rizab jalan; dan
 - (iv) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.

- (c) suatu ukur hakmilik untuk tanah pertanian merangkumi tiga atau lebih lot berdampingan di mana keluasan cantuman tidak kurang daripada tujuh hektar dan ukuran itu hendaklah—
- (i) termasuk dua daripada sempadannya yang bertindih dengan dan diletakkan semula berdasarkan ukuran yang diluluskan terdahulu;
 - (ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan; dan
 - (iii) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.

Pengemukaan projek ukur pemetaan topografi

Pemetaan topografi skala besar suatu kawasan berkeluasan tidak kurang daripada sepuluh hektar. Ukuran itu hendaklah termasuk—

- (a) ukuran kawalan mendatar dengan kaedah trabas yang mengikut piawai ukur kadaster;
- (b) penentuan azimut dengan cerapan matahari;
- (c) ukuran kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;
- (d) ukuran butiran semula jadi dan butiran buatan manusia; dan
- (e) ukuran ketinggian titik dan melukis garisan kontur, sela kontur tidak kurang daripada dua meter.

Pengemukaan projek ukur kejuruteraan

Pengukuran suatu cadangan jalan jarak tidak kurang dari satu kilometer. Pengukuran itu hendaklah termasuk—

- (a) terbitan datum dari tanda sempadan;
- (b) ukur kawalan mendatar mengikut piawai ukur kadaster;
- (c) ukur kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;
- (d) pemancangan hak laluan;
- (e) menandakan garis tengah laluan;
- (f) ukur topografi jalur dan ukur butiran jalur; dan
- (g) profil longitud dan keratan rentas.

Pengemukaan projek pemetaan fotogrametri atau projek ukur hidrografi

Pemetaan fotogrametri skala besar (skala 1: 10,000 atau skala lebih besar) suatu kawasan diliputi tidak kurang daripada dua model fotogrametri. Projek itu hendaklah termasuk—

- (a) pengukuran kawalan bumi;

- (b) perwakilan paramuka dengan garis kontur sela lima meter dan ketinggian titik-titik;
- (c) pengumpulan ciri-ciri topografi yang relevan; dan
- (d) gambaran mutakhir plot fotogrametri mengikut sehampirnya spesifikasi peta Siri Pemetaan Bandar Jabatan Ukur Malaysia.

ATAU

Ukur batimetri skala sederhana (skala 1 : 5,000 atau skala lebih besar) tidak kurang daripada dua puluh lima hektar suatu kawasan pinggir pantai di mana garis ukur batimetri yang dijarakkan pada jarak tidak lebih daripada satu sentimeter skala plot. Ukuran itu hendaklah termasuk—

- (a) pengukuran kawalan pesisir;
- (b) penetapan pancang pasang surut dan cerapan pasang surut; dan
- (c) pandu arah luar pesisir dan penentududukan menggunakan sama ada jarak-bearing atau jarak-jarak sistem penentududukan elektronik atau pembezaan masa hakiki *Global Positioning System* (GPS).

Pengemukaan projek reka bentuk susun atur pecah sempadan

Suatu skim untuk apa-apa jenis pembangunan mempunyai keluasan lebih kurang empat hektar yang menunjukkan jalan keluar masuk, susun atur lot-lot iaitu termasuk tanah lapang dan kemudahan asas bersesuaian dengan pembangunan berkenaan dan mengikut keperluan perancangan semasa untuk pembangunan sedemikian.

Bahagian III – Peperiksaan amali dan lisan

Apabila lulus Bahagian I dan Bahagian II peperiksaan di atas, seorang calon hendaklah menghadiri suatu peperiksaan amali dan lisan yang dikendalikan oleh Lembaga mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) Peperiksaan amali
 - (i) satu ukuran hakmilik melibatkan pecah sempadan atau pecah bahagian tanah; dan
 - (ii) ukur aras.
- (b) Peperiksaan lisan
 - (i) tatalaku profesional;
 - (ii) amalan profesional ukur dan tajuk-tajuk yang berkaitan dengannya;
 - (iii) teknologi dan peralatan baru dalam bidang ukur tanah; dan
 - (iv) mana-mana tajuk lain yang berkaitan dengan ukur tanah.

JADUAL KESEPULUH

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 22(1), (2), dan (4)]

PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN

Kepada: Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Saya, [Nombor K/P] memohon
untuk menduduki:

- (i) Bahagian I peperiksaan dengan bayaran @ RM200.00 bagi setiap kertas - RM_____
- (ii) Bahagian II peperiksaan dengan bayaran @ RM400.00 bagi setiap tugas - RM_____
- (iii) Bahagian III peperiksaan dengan bayaran @ RM400.00 bagi setiap kehadiran - RM_____

Saya bersetuju untuk mematuhi kaedah-kaedah peperiksaan.

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh :

JADUAL KESEBELAS
AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011
[Perenggan 22(3)(a)]

PERAKUAN PERKHIDMATAN DI BAWAH ARTIKEL

Saya, memperakukan seperti yang berikut:
(*juruukur tanah berlesen*)

- (1) telah menjalankan tugas di bawah Artikel
(*orang berartikel*) dalam amalan ukur tanah bagi tempoh tahun dan bulan dari hingga
- (2) Dalam tempoh tersebut orang berartikel ini telah bertugas di lapangan bagi tempoh tahun dan bulan, yang tahun bulan daripadanya bertugas menjalankan ukur hakmilik.
- (3) Dalam tempoh tersebut orang berartikel ini telah bertugas di pejabat bagi tempoh tahun dan bulan, yang tahun bulan daripadanya bertugas menjalankan pemprosesan pejabat ukur hakmilik.
- (4) Orang berartikel ini berupaya menjalankan ukur hakmilik secara bersendirian.

Bertarikh hari ini haribulan

.....
Juruukur tanah berlesen

JADUAL KEDUABELAS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Peraturan 24]

PERAKUAN KECEKAPAN

No.

Diperakukan bahawa

No. K/P telah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga Juruukur Tanah.

Bertarikh hari ini haribulan

.....
Pengerusi Lembaga

(CAP METERAI LEMBAGA)

.....
Setiausaha Lembaga

JADUAL KETIGABELAS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 26(1)]

SKALA FI UNTUK UKUR HAKMILIK

1. Fi ukur untuk ukur hakmilik hendaklah diklasifikasikan mengikut kategori penggunaan tanah seperti bangunan, pertanian, industri, perlombongan dan maksud lain.
2. Jumlah keseluruhan fi ukur yang didepositkan dengan Lembaga hendaklah dihitung mengikut Susunan I hingga XI.
3. Bagi maksud Jadual ini “bagi setiap hari pihak” ertiannya kerja yang dilakukan dalam sehari atau sebahagian daripadanya oleh suatu pasukan ukur.

SUSUNAN I

Pengukuran tanah untuk bangunan

1. Jadual ini memperuntukkan fi pengukuran tanah untuk bangunan. Bagi maksud pengukuran tanah, tanah bangunan diklasifikasikan seperti yang berikut:
 - (a) tanah bagi maksud kediaman, seperti rumah kediaman, rumah pangsa, pangsapuri dan tanah lapang untuk rekreasi;
 - (b) tanah bagi maksud komersial, seperti pembangunan bercampur bagi maksud komersial dan kediaman, rumah kedai, panggung wayang, kompleks, hotel, hostel, stesen minyak, pejabat dan pembangunan bermatlamatkan keuntungan;
 - (c) tanah bagi maksud industri, seperti pembangunan bercampur untuk industri dan lain-lain, kilang, loji, bengkel, kilang pengisar, kilang percetakan, faundri, pencawang elektrik, rumah pam, loji pembersih pembetungan dan kolam oksidasi.
2. Tanah bagi maksud lain, yang tidak diklasifikasikan di bawah perenggan 1, hendaklah tertakluk kepada Susunan VII.
3. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut dan terpakai bagi kawasan bandar, subbandar dan luar bandar. Fi pengukuran ini hendaklah juga diguna pakai untuk pengukuran semula untuk peletakan semula tanda sempadan bagi mana-mana jenis tanah yang diklasifikasikan di bawah perenggan 1—
 - (a) caj asas setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;
 - (c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau

beralih kedudukan ialah RM170.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

(d) caj bagi pengukuran bagi setiap lot—

(i) maksud kediaman dan komersial:

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>
Sehingga 100 meter persegi	250.00	400.00
Melebihi 100 meter persegi tetapi sehingga 200 meter persegi	370.00	430.00
Bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya melebihi 200 meter persegi yang pertama	10.00	12.00

(ii) maksud industri:

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM)</i>
Sehingga 2,000 meter persegi			900.00
Bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian darinya melebihi 2,000 meter persegi yang pertama			15.00
(iii) caj bagi pengukuran garis untuk azimut, sambungan dan kawalan	2.00/meter	2.50/meter	2.50/meter
(iv) caj bagi pengukuran bagi menentukan penghujung sempadan dinding dua tuan	150.00/ dinding	180.00/ dinding	200.00 / dinding
(v) caj bagi pengukuran pemancangan blok bagi sudut-sudut blok yang tidak melebihi 16 lot	840.00/blok	1,000.00/ blok	1,200.00/ blok
(vi) caj bagi pengukuran bagi pemancangan setiap lot dengan pancang kayu	65% daripada kadar terpakai di atas	65% daripada kadar terpakai di atas	65% daripada kadar terpakai di atas
(vii) caj bagi ukur pengesahan dan	80%	80%	80%

memperakukan "seperti binaan"	daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00	daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00	daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00
-------------------------------	---	---	---

- (e) jika data pengukuran diperlukan untuk pengemukaan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; dan
- (f) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan apabila terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN II

Pengukuran untuk pecah bahagi bangunan

Susunan ini merangkumi pecah bahagi bangunan untuk pengukuran hakmilik strata di bawah Akta Hak milik Strata 1985 dan bayaran fi yang kena dibayar ke atasnya.

1. Pengukuran tanah untuk perakuan seperti yang diperlukan oleh seksyen 9(a) Akta Hakmilik Strata 1985.

	<i>Keluasan</i>	<i>Kadar (RM)</i>
(a)	200 meter persegi dan ke bawah	1,500.00
(b)	Bagi keluasan tambahan melebihi 200 meter persegi	1.00 setiap meter persegi
(c)	Fi perakuan	1,500.00

2. Pecah lot bangunan kepada petak atau petak aksesori:

	<i>Keluasan lantai petak atau petak aksesori</i>	<i>Maksud kediaman (RM)</i>	<i>Maksud lain (RM)</i>
(a)	100 meter persegi dan ke bawah	200.00 bagi setiap petak	300.00 bagi setiap petak
(b)	Mana-mana keluasan tambahan melebihi 100 meter persegi	2.50 bagi setiap meter persegi	3.50 bagi setiap meter persegi
(c)	Mana-mana harta bersama yang perlu diukur dengan tujuan untuk ditunjukkan atas pelan	2.00 bagi setiap meter persegi	2.00 bagi setiap meter persegi

3. Pengukuran semula petak dan penyediaan semula pelan berikutan perubahan kepada pelan bangunan:

Caj asas sebanyak RM1,000.00 untuk setiap kerja termasuk 50% daripada kadar di bawah perenggan 2.

4. Blok sementara:

(a) hitungan dan penyediaan pelan untuk memastikan bahawa blok sementara adalah dalam kawasan lot: RM300.00 bagi setiap blok

(b) caj pengukuran untuk blok sementara hendaklah seperti yang diberikan di bawah Susunan I. Blok sementara yang dinyatakan di sini dianggap sama nilai dengan suatu lot seperti dalam Susunan I.

5. Caj bagi pengukuran bagi peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
6. Jika data pengukuran diperlukan untuk pengemukaan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah subperenggan (a) dan (b) perenggan 1, perenggan 2, perenggan 3 dan subperenggan (b) perenggan 4 Susunan II adalah terpakai.
7. Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN III

Pengukuran tanah untuk pertanian

1. Susunan ini memperuntukkan bayaran fi untuk pengukuran tanah bagi maksud pertanian termasuk tanah bagi maksud akuakultur atau pengukuran untuk pecah sempadan, penyatuan dan pecah bahagian di kawasan luar bandar.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini untuk setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:

2.1 Maksud pertanian

- (a) Caj asas setiap kerja – RM1,000.00
- (b) Caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja.
- (c) Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
- (d) Caj bagi pengukuran tanah bagi maksud beri milikan baru atau pecah bahagian di mana lot yang telah diberi milik atau lot asal yang akan dipecah bahagian ialah 5 hektar atau kurang adalah seperti yang berikut:

	<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
(i)	Lot kurang daripada 0.5 hektar	400.00
(ii)	Lot 0.5 hektar tetapi kurang daripada 2.5 hektar	800.00
(iii)	Lot 2.5 hektar tetapi kurang daripada 5 hektar	1,200.00
(e)	Caj bagi pengukuran setiap lot pertanian selain (d) di atas—	
	<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
(i)	Lot kurang daripada 0.5 hektar	740.000
(ii)	Lot 0.5 hektar tetapi kurang daripada 2.5 hektar	1,660.00
(iii)	Lot 2.5 hektar tetapi kurang daripada 5.0 hektar	2,350.00
(iv)	Lot 5.0 hektar tetapi kurang daripada 10.0 hektar	3,320.00
(v)	Lot 10.0 hektar tetapi kurang daripada 15.0 hektar	4,060.00
(vi)	Lot 15.0 hektar tetapi kurang daripada 20.0 hektar	4,690.00
(vii)	Lot 20.0 hektar tetapi kurang daripada 25.0 hektar	5,250.00
(viii)	Lot 25.0 hektar tetapi kurang daripada 30.0 hektar	5,750.00
(ix)	Lot 30.0 hektar tetapi kurang daripada 35.0 hektar	6,210.00
(x)	Lot 35.0 hektar tetapi kurang daripada 40.0 hektar	6,640.00
(xi)	Lot 40.0 hektar tetapi kurang daripada 45.0 hektar	7,040.00
(xii)	Lot 45.0 hektar tetapi kurang daripada 50.0 hektar	7,420.00
(xiii)	Bagi setiap tambahan 1 hektar atau	100.00

sebahagian daripadanya melebihi 50 hektar pertama

- | | |
|--|-------------------------------|
| <p>(f) Caj bagi pengukuran garisan bagi azimut, sambungan, kawalan dan pengukuran minimum.</p> <p>(g) Jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d), (e) dan (f) di atas adalah terpakai.</p> <p>(h) Dalam kawasan keselamatan—</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai; atau (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai; dan (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai. <p>(i) Caj di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kendaraan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:</p> | <p>2.00 bagi setiap meter</p> |
|--|-------------------------------|
-
- | <i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kendaraan bermotor</i> | <i>Caj</i> |
|---|--|
| 0 kilometer hingga 1 kilometer | tiada caj tambahan |
| Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer | tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) |
| Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer | tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) |
| Melebihi 10 kilometer | tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e) |
-
- (j) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

2.2 Akuakultur dan maksud lain yang sama

- (a) Caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00.
- (b) Caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 setiap kerja.
- (c) Caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM8.00 bagi setiap meter.
- (d) Caj bagi pengukuran untuk penetapan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
- (e) Jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai.
- (f) Dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.
- (g) Caj di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kendaraan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kendaraan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

- (h) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN IV

Pengukuran tanah untuk perlombongan

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran tanah untuk perlombongan yang akan dijalankan ke suatu piawaian yang mencukupi untuk pengeluaran Pajakan Melombong. Susunan ini juga akan diguna pakai bagi pengukuran tanah untuk kuari dan maksud lain yang serupa.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini untuk setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;
 - (c) kadar yang terpakai untuk pengukuran bagi Pajakan Melombong adalah seperti yang berikut:

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
(i) 4 hektar pertama	4,300.00
(ii) 6 hektar pertama	4,900.00
(iii) 8 hektar pertama	5,500.00
(iv) 10 hektar pertama	6,100.00
(v) 12 hektar pertama	6,650.00
(vi) 14 hektar pertama	7,200.00
(vii) 16 hektar pertama	7,750.00
(viii) 18 hektar pertama	8,300.00
(ix) 20 hektar pertama	8,900.00
(x) 25 hektar pertama	9,500.00
(xi) 30 hektar pertama	10,050.00
(xii) 35 hektar pertama	10,550.00
(xiii) 40 hektar pertama	11,000.00

(xiv)	45 hektar pertama	11,500.00
(xv)	50 hektar pertama	12,000.00
(xvi)	Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya yang melebihi 50 hektar pertama	150.00

- (d) bagi mana-mana keluasan yang terletak di antara mana-mana dua keluasan yang tersenarai di (c) di atas, kadar cajnya hendaklah dikira mengikut perkadarann;
- (e) caj pengukuran garisan untuk azimut, sambungan dan kawalan-kawalan - RM2.00 bagi setiap meter;
- (f) sekiranya Sijil Melombong diperlukan, fi untuk lukisan dan bekalan salinan pelan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk dikepulkan dengan borang Sijil Melombong ialah RM500.00 bagi setiap pelan Sijil Melombong;
- (g) sekiranya tanah diluluskan untuk diukur melebihi satu lot yang dipisahkan secara fizikal di atas tanah oleh tanah beri milik, tanah rizab atau Tanah Negeri, fi pengukuran untuk lot itu hendaklah dikira bagi setiap lot;
- (h) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
- (i) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai;
- (j) dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM 870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.
- (k) caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:

*Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan
bermotor*

Caj

0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
--------------------------------	--------------------

Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)

- (l) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN V

Pengukuran bawah tanah

1. Jadual ini memperuntukkan fi pengukuran untuk hakmilik stratum dan pengukuran bawah tanah yang lain.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan untuk pengukuran bawah tanah ialah RM1,000.00 bagi setiap permohonan;
 - (c) caj bagi pengukuran di atas permukaan tanah ialah seperti yang berikut:
 - (i) kawalan planimetri dan sambungan – RM2.00 bagi setiap meter;
 - (ii) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (iii) caj bagi pengukuran bagi setiap lot ialah seperti di bawah Susunan I; dan
 - (iv) caj bagi pengukuran sambungan ketinggian dan kawalan ialah RM540.00 bagi setiap kilometer;
 - (d) caj bagi pengukuran bawah tanah ialah seperti yang berikut:
 - (i) bagi pemindahan datum planimetri ke suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan Tanda Aras di tapak, cajnya ialah RM1,740.00. Bagi tiap-tiap tambahan kedalaman sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, satu caj tambahan 10% hendaklah dibuat;

- (ii) bagi pemindahan datum ketinggian ke suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan Tanda Aras di tapak, cajnya ialah RM2,610.00. Bagi tiap-tiap tambahan perbezaan ketinggian sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, suatu caj tambahan 10% hendaklah ditambah; dan
 - (iii) bagi pengukuran seperti binaan struktur bawah tanah, caj hendaklah dua kali kadar dalam Susunan I.
- (e) caj bagi pembinaan Tanda Aras ialah RM300.00 bagi setiap Tanda Aras;
 - (f) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b),(c) dan (d) di atas adalah terpakai; dan
 - (g) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VI

Pengukuran untuk penyatuan lot

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran untuk penyatuan lot.
2. Fi pengukuran yang akan dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) jika Pelan Diperakui dilukis dengan menggunakan data daripada Pelan Diperakui atau hakmilik sedia ada -

RM55.00 bagi setiap garisan sempadan tertakluk kepada suatu caj minimum sebanyak RM650.00 bagi setiap kerja. Bagi maksud caj minimum ini, 2 atau lebih penyatuan lot yang dimiliki oleh pemilik yang sama atau pemilik bersama hendaklah dikira sebagai satu kerja dengan syarat kelulusan untuk penyatuan telah diberikan pada masa yang sama dan pengukuran dibuat pada masa yang sama;
 - (b) jika kerja lapangan diperlukan, fi pengukuran hendaklah dicaj seperti yang ditetapkan di bawah Susunan I hingga V dan Susunan VII;
 - (c) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (a) dan (b) di atas adalah terpakai; dan
 - (d) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VII

Pengukuran tanah bagi maksud khusus

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran tanah bagi maksud yang tidak dirangkumi di bawah Susunan I hingga V di atas. Pengukuran itu adalah—
 - (a) mana-mana tanah untuk hutan, mergastua atau hidupan liar, taman negara, padang ragut dan rizab yang serupa; dan
 - (b) mana-mana tanah untuk padang golf, kelab persendirian dan apa-apa tujuan rekreasi yang lain.
2. Fi pengukuran tanah untuk hutan, mergastua atau hidupan liar, taman negara, padang ragut dan apa-apa rizab lain yang serupa yang luas hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 setiap kerja;
 - (c) caj bagi menerabas, termasuk garisan sambungan untuk azimut, garisan sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;
 - (d) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (e) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj-caj di bawah perenggan (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai;
 - (f) dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai;
 - (g) caj-caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

*Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan
bermotor*

Caj

0 kilometer hingga 1 kilometer

tiada caj tambahan

Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

Melebihi 10 kilometer tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

- (h) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.
3. Fi pengukuran bagi pengukuran tanah untuk padang golf, kelab persendirian dan apa-apa tujuan yang serupa ialah seperti yang berikut:
- (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;
 - (c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.
 - (d) caj pengukuran:

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
Bagi mana-mana lot sehingga 5 hektar	5,800.00
Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya yang melebihi 5 hektar pertama	1,100.00

- (e) caj bagi menerabas termasuk garisan sambungan untuk azimut, garisan sambungan dan kawalan ialah RM2.00 bagi setiap meter;
- (f) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai;
- (g) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)

(h) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VIII

Pengukuran untuk maksud pengambilan balik

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran tanah yang telah diambil balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960[Akta 486].
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini hendaklah mengandungi yang berikut:
 - (a) untuk pengukuran bahagian yang telah diambil balik, fi yang dikenakan hendaklah menurut Susunan yang bersesuaian dengan kategori tujuan guna tanah yang ia diambil balik; dan
 - (b) untuk baki bahagian, fi yang dikenakan menurut Susunan yang bersesuaian dengan kategori tujuan guna tanah.

SUSUNAN IX

Pengukuran untuk sempadan pentadbiran

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran bagi sempadan negeri, daerah, mukim, bandar dan desa.
2. Fi pengukuran untuk sempadan negeri yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi menerbas termasuk garisan sambungan untuk azimut, garisan sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;

- (c) caj bagi pengukuran untuk penetapan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
- (d) caj bagi Ukur Kawalan ialah seperti yang diberikan di bawah Susunan X (Terabas Kawalan) atau Susunan XI (Penentududukan Titik Dengan Satelit) atau kedua-duanya bergantung kepada keperluan;
- (e) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur melibatkan sempadan tanah ialah RM5,740.00 bagi setiap kilometer dengan suatu kelebaran koridor maksimum 20 meter. Bagi kelebaran koridor melebihi daripada 20 meter, fi dikenakan hendaklah berkadar dengan pertambahan dalam kelebaran;
- (f) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur melibatkan sempadan sungai ialah RM6,200.00 bagi setiap kilometer, dengan meneras pada satu bahagian sungai dan mengumpul butiran untuk kedua-dua tebing sungai;
- (g) caj bagi menentukan cadangan sempadan negeri yang dicadangkan ialah RM100.00 setiap kilometer;
- (h) caj bagi pengukuran muktamad sempadan negeri ialah RM4.00 bagi setiap meter;
- (i) caj bagi pembinaan monumen yang serupa dengan tanda Jenis C Jabatan Ukur dan Pemetaan ialah RM300.00 bagi setiap monumen;
- (j) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i) di atas adalah terpakai;
- (k) dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), dan (i) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h) dan (i) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai;
- (l) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor

Caj

0 kilometer hingga 1 kilometer

tiada caj tambahan

Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a) - (f), (h) dan (i)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a) - (f), (h) dan (i)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a) - (f), (h) dan (i)
(m) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.	
3. Fi pengukuran untuk sempadan daerah, mukim, bandar dan sempadan desa yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:	
(a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;	
(b) caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;	
(c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;	
(d) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b) dan (c) adalah terpakai;	
(e) dalam kawasan keselamatan—	
(i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; atau	
(ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; dan	
(iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM 870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.	

- (f) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c)

- (g) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN X

Terabas Kawalan

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran untuk terabas yang diperlukan untuk kawalan umum kadaster dan maksud lain.
2. Fi pengukuran dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi menerabas termasuk garisan sambungan azimut, sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;
 - (c) caj bagi pembinaan monumen tanda pengukuran terabas hendaklah RM300.00 untuk setiap tanda;
 - (d) jika data pengukuran diperlukan untuk pengemukaan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b) di atas adalah terpakai;
 - (e) dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; atau

- (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas adalah terpakai; dan
- (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai;
- (f) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:
- | <i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i> | <i>Caj</i> |
|---|---|
| 0 kilometer hingga 1 kilometer | tiada caj tambahan |
| Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer | tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) |
| Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer | tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) |
| Melebihi 10 kilometer | tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (b) dan (c) |
- (g) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN XI

Penentududukan titik dengan satelit

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran untuk penentududukan titik dengan satelit.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:

(a) caj bagi mobilisasi dan demobilisasi bagi 3 pihak kerja lapangan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari ibu pejabat</i>	<i>Bilangan hari bagi setiap pihak</i>	<i>Caj bagi 3 pihak ukur lapangan (RM)</i>
(i) 0 kilometer sehingga 150 kilometer	1	2,610.00

(ii) Melebihi 150 kilometer tetapi tidak lebih daripada 300 kilometer	2	5,220.00
(iii) Melebihi 300 kilometer	3	7,830.00

- (b) caj asas bagi setiap kerja – RM4,800.00;
- (c) caj bagi penentududukan bagi setiap titik ialah RM2,000.00;
- (d) caj bagi pembinaan monumen GPS yang serupa dengan Tanda Jenis C Jabatan Ukur dan Pemetaan ialah RM300.00 bagi setiap monumen;
- (e) caj bagi membersihkan tapak untuk cerapan hendaklah atas dasar pembayaran balik;
- (f) dalam kawasan keselamatan—
- (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.
- (g) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut :

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d)

- (h) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN XII

Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk perundingan profesional, kehadiran mesyuarat, lawatan tapak, kehadiran di mahkamah dan kehadiran lain yang serupa.
2. Fi yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut :
 - (a) perundingan profesional, kehadiran mesyuarat atau lawatan tapak ialah RM670.00 bagi setiap hari atau RM100.00 bagi setiap jam, yang mana lebih kurang;
 - (b) saksi pakar dalam mahkamah, RM670.00 bagi setiap kehadiran; dan
 - (c) pembayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN XIII

Pembayaran balik

1. Susunan ini memperuntukkan pembayaran balik kepada juruukur tanah berlesen oleh klien untuk perbelanjaan sendiri yang ditanggung.
2. Pembayaran balik ialah seperti yang berikut:
 - (a) perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk pembelian dokumen yang berkenaan seperti pelan, peta, rekod dan butiran lain yang berkaitan;
 - (b) perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk telegram, faks, teleks, panggilan telefon dan bentuk penghantaran lain yang berkaitan;
 - (c) caj penyewaan peralatan khusus dan pakej-pakej perisian seperti yang dipersetujui dengan klien;
 - (d) perbelanjaan yang ditanggung untuk perjalanan, tempat penginapan dan elauan sara hidup adalah seperti yang berikut:

(i) perjalanan	tambang penerbangan	
	sebenar	50 sen bagi setiap kilometer
	perbatuan	
(ii) hotel	maksimum	
	RM 180.00++	
	bagi setiap hari	

- (iii) elaun sara hidup RM60.00 bagi setiap hari; dan
- (e) perbelanjaan yang ditanggung dalam penggunaan pengangkutan khusus seperti helikopter, bot dan bentuk komunikasi lain yang dipersetujui dengan klien.

SUSUNAN XIV

Bekalan transparensi dan cetakan tambahan

1. Susunan ini memperuntukkan caj bagi pembekalan transparensi dan set cetakan tambahan atas permintaan klien. Caj adalah seperti yang berikut:

	<i>Jenis dan saiz pelan</i>	<i>Kadar bagi setiap salinan (RM)</i>
(a)	Transparensi saiz A1	30.00
(b)	Transparensi saiz A2 atau lebih kecil	25.00
(c)	Cetakan tambahan saiz A1 atau lebih kecil melebihi 4 salinan pertama	10.00

JADUAL KEEMPAT BELAS
AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011
[Subperaturan 26(4) dan (5)]

PERAKUAN DEPOSIT FI UKUR

Bil. : _____

Mengikut seksyen 409A Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/1965*], fi ukur hakmilik berjumlah Ringgit Malaysia _____
_____ (RM _____) telah didepositkan dengan Lembaga Juruukur Tanah oleh:

Nama : _____
(*pendeposit*)

Alamat :
